NEWSPAPER CLIPPING
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 19/08/2007

Sekolah bina perpaduan

um- 19/8/2007

HISHAMMUDDIN HUSSEIN

HISHAMMUDDIN (dalam bulatan) semasa belajar di Maktab Melayu Kuala Kangsar (MCKK).

HISHAMMUDDIN Tun Hussein dan kakaknya Dr. Rozita Halina bersama ibu mereka Toh Puan Hajah Suhaila.

HISHAMMUDDIN bergambar di hadapan rumahnya.

Dalam kita melangkah ke ambang sambutan kemerdekaan ke-50, adalah amat sesuai dan bertepatan sekali, jika sekolah-sekolah kebangsaan kita terus menjadi medan di kalangan anak-anak kita mempelajari untuk hidup dalam negara yang berbilang bangsa dan agama.

SEINGAT saya, satu-satunya ciri yang mungkin masih kekal pada diri saya sejak zaman persekolahan rendah adalah senyum lebar saya. Semua yang lain nampaknya sudah berubah wajah.

Saya masih terkenang sewaktu zaman memakai seluar pendek biru dan seluar latihan jasmani yang ternyata lebih singkat. Lebih daripada itu, ialah memori mengenai cikgu-cikgu yang berpakaian mini skirt dan berambut ala sarang lebah. Ketika itu, adalah zaman kertas dan pensel, papan hitam dan kapur.

Bangku kayu saya ketika itu tidaklah begitu selesa. Tetapi di atas bangku kayu itulah, saya mendengar, memerhati dan belajar. Saya mendengar dengan penuh minat perkara-perkara baru yang diajar cikgu; memerhati dengan kagum dan tekun ketika mereka membimbing serta memberi tunjuk ajar, yang akhirnya menjadikan saya seperti saya sekarang ini.

Alhamdulillah, sekarang ini saya duduk di kerusi empuk bersalut kulit hitam dalam bilik permaidani yang berhawa dingin. Kini, saya tidak lagi memakai seluar pendek biru dan sudah bertahun-tahun tidak memegang kapur.

Namun, saya tetap tertarik ketika memerhatikan guru-guru saya mengajar anak murid mereka perkara-perkara baru, mencerna kebijaksanaan, membimbing pemikiran mereka dan berusaha gigih untuk menjadikan anak-anak kita manusia yang berguna.

Hari ini, saya berada dalam kedudukan berbeza di mana saya tidak lagi hanya perlu menjaga sebuah sekolah, menambat hati lima guru dan hanya mengenali 40 murid dalam kelas saya. Hari ini, tanggungjawab dan amanah yang diletakkan di atas bahu saya merangkumi hampir 10,000 buah sekolah, lebih 300,000 guru dan kira-kira lima juta murid.

Memang benar, sistem pendidikan kita telah menunjukkan kemajuan. Dan bersama-sama kemajuan inilah, ianya turut diiringi oleh pelbagai cabaran, kritikan berterusan, aduan yang tidak ada penghujungnya, pandangan berbeza dan pertimbangan teliti, tetapi malangnya, tidak ramai yang memuji.

Bercakap mengenai sebuah institusi gergasi seperti sistem pendidikan negara kita, adalah mustahil bagi saya, pegawai-pegawai saya, guru-guru serta penasihat-penasihat saya untuk memenangi hati semua orang. Namun, kami di sini tidak pernah mengharapkan pujian dalam mencurahkan khidmat.

Banyak jenis sekolah yang terdapat dalam sistem pendidikan kita. Kita mempunyai sekolah kebangsaan yang menggunakan bahasa Malaysia sebagai bahasa penghantar. Di samping itu, kita juga mempunyai sekolah jenis kebangsaan yang menggunakan sama ada bahasa Mandarin atau Tamil, selain sekolah agama kebangsaan.

Hari ini, terdapat sebanyak 5,761 buah sekolah kebangsaan di peringkat rendah dan 1,823 buah sekolah menengah kebangsaan di seluruh negara. Sekolah-sekolah tersebut masing-masing menempatkan seramai 76% dan 90% daripada jumlah keseluruhan murid sekolah rendah dan sekolah menengah di negara ini.

Oleh itu, sememangnya hakikat yang tidak boleh disangkal jika dikatakan bahawa sekolah kebangsaan kita memainkan peranan penting dalam pembangunan negara. Malah, sekolah kebangsaan inilah merupakan pemangkin sebenar kepada pembangunan negara.

Ramai orang lama berpendapat bahawa sekolah kebangsaan hari ini adalah tidak setanding dengan sekolah-sekolah pada waktu mereka dahulu. Sama ada benar atau tidak, persepsi ini telah menular sejak lebih 10 tahun kebelakangan ini.

Tugas Kementerian Pelajaran sejak kebelakangan ini adalah lebih mencabar dan tertekan apabila terpaksa berdepan dengan pelbagai isu, daripada isu lebihan murid hingga kepada dakwaan berlakunya perkauman di sekolah.

Tahun ini, kita semua akan meraikan ulang tahun kemerdekaan yang ke-50 dan sudah tentu, sekali lagi sistem pendidikan negara akan menjadi perhatian rakyat seluruh negara.

Saya tidak mahu alpa atau berniat mengabui sesiapa dengan menyatakan bahawa sistem pelajaran kita adalah paling sempurna. Saya adalah orang pertama yang mengakui terdapat banyak masalah dan isu yang perlu diberi perhatian dan dibincang semula agar semua ini dapat kita selesaikan secepat mungkin.

Namun apabila kita menyingkap sejarah 50 tahun yang lalu, tidak dapat dinafikan bahawa sistem pendidikan negara telah berkembang seiring dengan pembangunan negara. Kita sebenarnya sudah banyak mencatat kemajuan, walaupun ianya sering tidak begitu lancar. Tetapi, apa yang penting, perubahan ini telah banyak memberikan manfaat kepada murid-murid kita.

Oleh kerana pembangunan berlaku dengan begitu pantas dan pesat, kita kadangkala lupa bahawa apa yang telah kita lalui dan hadapi selama ini, sebenarnya turut bertukar dengan cepat dan radikal.

Apa yang kita tidak sedar adalah pendidikan sebenarnya telah berkembang pesat dalam tempoh 50 tahun ini. Pendidikan sekarang ini bukan lagi hanya khusus untuk golongan kaya dan berkedudukan tinggi, malah ianya sudah menjadi milik semua rakyat.

Tuduhan

Pihak yang sering melemparkan tuduhan melulu bahawa sekolah kebangsaan kita adalah 'terlalu Melayu' terlupa bahawa ini adalah proses semula jadi ekoran peningkatan jumlah murid-murid Melayu secara mendadak sejak awal era kemerdekaan.

Di kawasan-kawasan yang majoriti penduduknya adalah orang Melayu, sememangnya sudah menjadi jangkaan bahawa sebahagian besar murid-murid di sekitar kawasan tersebut terdiri daripada kaum Melayu. Namun, terdapat juga sekolah-sekolah kebangsaan kita yang didominasi oleh murid bukan Melayu sehingga 100 peratus di sekitar kawasan-kawasan yang diduduki oleh majoriti penduduk bukan Melayu.

Sebagai contoh, SK Guru Kalgidhar di Ipoh, SK Tambisan di Sandakan, SK Tanjung Manawali di Kudat semuanya mempunyai 100 peratus pelajar bukan Melayu. Sementara SK Lamdin di Alor Star, SK Sandau di Lahad Datu, SK Kg Titingan di Tawau, SK Pulau Gaya di Kota Kinabalu, SK Ledang Pedas di Gelang Patah dan SK Buntong di Ipoh, mempunyai lebih 90 peratus jumlah murid bukan Melayu.

Sememangnya telah dijangka bahawa sekolah-sekolah di kebanyakan kawasan-kawasan luar bandar di Semenanjung, mempunyai majoriti murid Melayu. Akan tetapi, bagi kawasan-kawasan bandar di mana nisbah penduduk antara kaum adalah lebih seimbang, jumlah murid-murid di sekolah kebangsaan turut mencerminkan hakikat ini.

Jika diperhatikan taburan murid di SK Taman Kepong di Kuala Lumpur, SK Taman Megah di Petaling Jaya, SK Dato' Panglima Kinta di Ipoh, SK Tanjung Medang di Pekan, SK Taman Rasah Jaya di Seremban, SK Sungai Nyior di Butterworth, kesemua sekolah ini mempunyai jumlah pelajar bukan Melayu melebihi 50 peratus.

Selaku Menteri Pelajaran, saya telah berpeluang melawat banyak sekolah di merata pelosok negara. Berdasarkan apa yang telah saya lihat dan dengar, saya masih amat yakin bahawa semangat perpaduan kaum masih tetap membara di sekolah-sekolah kita.

Memang benar, sesekali kita masih mendengar rungutan ibu bapa mengenai anak mereka diusik atas sebab warna kulit, cara pemakaian atau keengganan murid tersebut untuk mengenakan sesuatu pakaian yang ditetapkan. Kes-kes sebegini perlu ditangani dengan tegas. Namun sekuat mana kita mencuba, kes seumpama ini akan terus berlaku.

Malangnya, perhatian lebih sering kali tertumpu kepada perkara-perkara yang negatif berbanding positif. Dalam kita berusaha menyelesaikan yang salah, kita kadangkala terlepas pandang perkara-perkara yang lebih berfaedah. Bagaimana pula dengan kisah-kisah persahabatan di antara orang India dan Melayu, Cina dan India, Melayu dan Cina yang telah terbentuk sejak zaman persekolahan lagi?

Bagaimana pula dengan cerita-cerita mengenai guru sesuatu kaum yang sanggup bertungkus-lumus demi memastikan kejayaan murid kaum lain? Kita juga wajar berbangga dengan sikap ibu bapa berbilang kaum yang sanggup bekerjasama untuk membawa kemajuan di sekolah anak-anak mereka.

Saya adalah produk sekolah kebangsaan. Di sekolahlah saya banyak mempelajari mengenai rakyat Malaysia yang berbilang kaum dan agama selain mengamalkan budaya dan tradisi yang berbeza. Saya masih ingat dan mengekalkan persahabatan dengan rakan-rakan lama dari pelbagai bangsa dan latar belakang yang telah kami pupuk ketika berada di Sekolah St. John.

Saya pasti, sudah tentu terdapat banyak cerita sebegini berbanding yang kurang menyenangkan. Mungkin cerita-cerita yang baik dan berfaedah sudah tidak lagi menjadi bahan perbualan. Tambahan pula, sudah menjadi lumrah manusia yang lebih gemar menonjolkan perkara negatif daripada berusaha mengejar sesuatu yang positif.

Apa yang ingin saya tekankan adalah warga Kementerian Pelajaran amat yakin bahawa sekolah kebangsaan telah, sedang dan akan terus menjadi tempat menyemarakkan perpaduan di kalangan rakyat negara kita. Di sinilah anak-anak kita mula memahami anak-anak kaum lain. Di sinilah mereka mempelajari perbezaan antara kita, dan yang paling penting, di sini jugalah mereka belajar menghormati perbezaan dan kelainan yang terdapat di antara kita.

Tahun ini, kerajaan telah melancarkan Pelan Induk Pembangunan Pelajaran (PIPP). Teras pertama PIPP ini adalah untuk membangunkan sebuah negara bangsa. Proses ini adalah amat penting bagi sebuah negara seperti Malaysia yang rakyatnya terdiri daripada pelbagai kaum dan agama.

Sambutan

Dalam kita melangkah ke ambang sambutan kemerdekaan ke-50, adalah amat sesuai dan bertepatan sekali, jika sekolah-sekolah kebangsaan kita terus menjadi medan di kalangan anak-anak kita mempelajari untuk hidup dalam negara yang berbilang bangsa dan agama. Sekolah-sekolah juga wajar menjadi arena untuk menyemai nilai-nilai patriotisme dan semangat kebanggaan menjadi warga Malaysia.

Tidak ada institusi pendidikan lain di negara ini yang memberi kita peluang untuk menyemai benih perpaduan dalam diri anak-anak kita selain daripada sekolah kebangsaan. Sejak kita merdeka 50 tahun lalu dan sehingga ke hari ini, sekolah kebangsaan telah berperanan menyatupadukan rakyat.

Sekolah kebangsaan adalah milik setiap anak-anak rakyat Malaysia tanpa mengira bangsa atau agama. Ia telah memberi kita semua peluang untuk bersatu dan bermuafakat. Inilah kelebihan dan keindahan sekolah kebangsaan kita.

Peranan tersebut telah dipikul oleh sekolah-sekolah kebangsaan terawal kita dan peranan yang sama sedang diteruskan oleh 5,761 sekolah kebangsaan kita sekarang ini.

Dari aktiviti sukan sehinggalah kepada pasukan berunifom di sekolah, setiap aktiviti di sekolah kebangsaan lebih menjurus kepada usaha memupuk dan mengeratkan tali persaudaraan di kalangan murid semua kaum agar kita dapat belajar hidup bersama bagai 'aur dengan tebing'.

Ketika ini, kementerian sedang berusaha membekalkan pembelajaran bahasa Mandarin, Tamil dan Arab kepada murid-murid di sekolah kebangsaan. Setakat ini sebanyak 150 buah sekolah kebangsaan telah menawarkan pembelajaran bahasa Mandarin manakala 71 buah lagi menawarkan bahasa Tamil.

Apa yang lebih menakjubkan, ialah bukan hanya murid Cina yang mempelajari Mandarin atau murid India yang mempelajari Tamil di sekolah-sekolah kita.

Misalnya, di SK Sanglang Perlis, 22 daripada 23 murid yang mengambil pelajaran Mandarin adalah Melayu dan murid yang satu lagi adalah berketurunan India. Di SK Sultanah Asma di Alor Star, kesemua 29 orang yang memenuhi kelas Mandarin adalah murid Melayu!

Manakala bagi kelas Tamil pula, tiga daripada 24 murid di SK Iskandar di Alor Star adalah Melayu, sementara di SK Kebun Sireh di Bukit Mertajam, 10 daripada 16 murid yang mempelajari bahasa Tamil juga merupakan murid Melayu.

Saya meneliti dan mencatatkan statistik ini dengan rasa amat puas dan penuh bangga. Ia meyakinkan saya bahawa sekolah kebangsaan kita sedang memenuhi agenda penting negara. Dan ianya memberi saya harapan bahawa sekolah kebangsaan akan terus memikul tanggungjawab ini pada masa akan datang.

Sambil kita meraikan ulang tahun kemerdekaan ke-50, saya merayu kepada warga kementerian, ibu bapa, guru-guru, murid-murid dan orang ramai untuk sama-sama berganding bahu dan bekerjasama dalam membantu meningkatkan taraf sekolah kebangsaan kita.

Masih banyak lagi yang perlu dikecapi. Kita mahu melihat lebih ramai ibu bapa menaruh minat terhadap sekolah kita. Kita mahu melihat guru-guru memainkan peranan dengan penuh iltizam. Kita juga ingin melihat murid-murid menikmati keseronokan ketika di zaman persekolahan mereka dan yang terutama sekali, kita mahu melihat pegawai-pegawai kementerian sendiri berusaha sedaya upaya untuk mewujudkan pengurusan dan infrastruktur lebih baik di sekolah kebangsaan kita.

Saya percaya, setiap daripada kita mempunyai peranan penting terhadap pendidikan negara. Pendidikan adalah tanggungjawab semua dan tugas membangunkan sistem pendidikan dan sekolah kebangsaan wajar dijadikan satu misi nasional. Kita tidak mempunyai pilihan lain.

Akhir sekali, saya rasa saya tersilap. Senyuman lebar saya bukanlah satu-satunya ciri yang kekal sejak dari zaman persekolahan saya. Sebenarnya, nilai-nilai murni yang terdapat di sekolah kebangsaan kita juga masih kekal. Cara dan persekitaran kita mungkin telah berubah, tetapi akar umbi peranan sekolah kebangsaan kita masih tetap teguh.

Malaysiaku Gemilang

● DATUK Seri Hishammuddin Tun Hussein ialah Menteri Pelajaran Malaysia.